

# e-Buletin JSKM

EDISI  
APRIL  
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



## *Menyemai Harapan,* **MENYANTUNI PEJUANG KECIL**

*Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.*

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS  
APRESIASI JSKM  
2026

Laporan

RAFAH YANG  
DIRATAH TIDAK  
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI  
PASIR DAN  
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

Oleh:

Ts Azlina Mohd Mydin &  
Rafizah Kechil

# SENTUHAN IDEA BERSAMA:

Keindahan Backdrop Konsep Bunga



Penyediaan backdrop bagi Majlis Apresiasi telah dirancang dengan penuh kreativiti dan semangat kerjasama dalam kalangan ahli jawatankuasa. Backdrop ini bukan sahaja berfungsi sebagai latar pentas utama, malah turut dijadikan sudut bergambar (photobooth) untuk para tetamu merakam kenangan indah sepanjang majlis berlangsung. Idea untuk menggunakan konsep bunga telah dicetuskan secara bersama selepas beberapa sesi perbincangan bagi mencari tema yang sesuai, elegan dan bersesuaian dengan suasana apresiasi.



Setelah meneliti pelbagai konsep dan reka bentuk, jawatankuasa akhirnya bersetuju memilih rekaan bingkai berbentuk lilitan bulat yang dihias dengan kain dan bunga gantung. Konsep bulatan dipilih kerana melambangkan kesatuan, keharmonian dan semangat kerja berpasukan. Bagi merealisasikan idea tersebut, Pn. Rafizah telah mengambil inisiatif membeli lilitan bulatan yang boleh dilaraskan ketinggiannya agar sesuai dengan ruang dan susun atur dewan.



Proses pemasangan backdrop dilakukan secara gotong-royong oleh team hiasan yang diketuai oleh Syafiq. Lilitan bulatan tersebut dipasang dengan kukuh sebelum dihias menggunakan kain putih yang dililit kemas mengelilingi rangka besi bagi menampilkan elemen lembut dan eksklusif. Bunga-bunga hiasan yang digunakan dalam program terdahulu turut dimanfaatkan semula dan diikat dengan susunan yang kreatif di sekeliling bulatan tersebut. Gabungan kain putih dan bunga berwarna-warni telah menyerlahkan lagi keindahan backdrop serta menambahkan seri ruang majlis. Gambar di bawah ini adalah hasilnya pada hari kejadian di Bilik DePauh Garden.



Hasil akhir dekorasi tersebut ternyata amat memuaskan. Backdrop yang dihasilkan bukan sahaja kelihatan cantik dan

profesional, malah berjaya menjadi tumpuan utama tetamu untuk bergambar. Usaha dan kerjasama semua pihak membuktikan bahawa perancangan yang teliti serta semangat kerja berpasukan mampu menghasilkan dekorasi yang menarik, kreatif dan bermakna bagi menjayakan **Majlis Apresiasi JSKM 2026**.





اَبُوَ سَيِّدِي نَبِيْكَوَلَوْ كُنِيَ مَبْرًا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

**Unit Penerbitan e-Buletin**  
**Jabatan Sains Komputer dan Matematik**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**  
**13500 Permatang Pauh**  
**Pulau Pinang**

eISSN 2637-0077



9 772637007004